

Lawatan Akademik Ke Institut Teknologi Bandung (ITB) Indonesia

Artikel oleh: P.M Dr Baba Musta



Pertukaran cendera kenangan antara Dekan SST PM Dr Baba Musta dengan Prof. Dr Eddy A. Subroto, Dekan FKIT.



Gambar kenangan dengan diantara SST dan FKIB.



Perbincangan antara Delegasi UMS dan Pentadbir dan Pensyarah ITB.



Foto Bersama Kumpulan Pelajar dan Ahli Makmal Geologi Gunaan dan Geofizik diketuai oleh Dr. Ir Prihadi Sumintadireja.

Program Lawatan Akademik Sekolah Sains dan Teknologi (SST), Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke Institut Teknologi Bandung (ITB), Indonesia telah diadakan pada 28 - 30 Ogos 2012. Pensyarah yang terlibat ialah Prof. Madya Dr Baba Musta, Dekan SST dan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) SST, Prof Madya Dr Kawi Bidin.

Objektif utama lawatan akademik ini ialah untuk membincangkan cadangan pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMS dan ITB. Lawatan ini juga melibatkan penilaian pelajar-pelajar Program Geologi yang sedang mengadakan Latihan Industri di Fakultas Ilmu Kebumihan dan Teknologi (FKIT) ITB. Seramai enam orang pelajar geologi yang terlibat dalam program Latihan industri untuk semester II sesi 2011/12 iaitu Mohd Syafrin Hamzah, Chong Khai Yuen, Nur Adibanabila Nor Hashim, Liew Li Sha, Ooi Shin Keat dan Saw Bing Bing. Sepanjang latihan ini berjalan pelajar lelaki menginap di Asrama Putra ITB, Kidang Penanjung Bandung manakala empat orang perempuan menginap di Asrama Putri ITB Jl Kanayakan Bandung.

Program dimulakan dengan perbincangan, hal ehwal penyelidikan dan pelaksanaan MoU bersama Dekan, Timbalan Dekan dan pensyarah-pensyarah di *Fakultas Kebumihan dan Teknik Geologi, ITB* pada 29 Ogos 2012.

Manakala lawatan dan penilaian latihan industri di sekitar ITB dijalankan pada 30 Ogos 2012. Pada 31hb Ogos 2012 lawatan singkat diadakan di pejabat Hubungan Antarabangsa, ITB sebelum mengambil penerbangan balik ke KKLIA dan KKIA. Secara umumnya komen penyelia pelajar di sana adalah baik kerana mereka didedahkan dengan keadaan kerja sebagai ahli geologi di lapangan dan menganalisis data primer yang diambil di lapangan khususnya berkaitan dengan penilaiann kawasan berpotensi untuk sumber petroleum dan gas asli. Para pelajar juga dapat menggunakan perisian terkini untuk kerja-kerja eksplorai petroleum dan gas asli. Aspek lain seperti eksplorasi arang batu, air bawah tanah dan pemetaan geofizik dan geologi kejuruteraan juga dijalankan sepanjang latihan ini.



Foto bersama pelajar dibawah seliaan Ir. Theopilus Matasak Geology Arangbatu.



Gambar bersama enam pelajar Program Geologi, SST yang menjalankan Latihan Industri selama 10 minggu di ITB.